

07 SEP 2002

Najib-Islam

KESEDERHANAAN MALAYSIA BERI IMEJ YANG BAIK BAGI ISLAM

PANGKOR, 7 Sept (Bernama) -- Imej Malaysia yang sederhana dan modern mencerminkan rupa dan kebaikan Islam, sesuatu yang amat diperlukan memandangkan agama itu kini menghadapi tanggapan yang negatif, kata Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata rejim Taliban dan golongan ekstrem yang lain telah memberikan Islam imej yang buruk dan banyak usaha diperlukan untuk memperbetulkan salah tanggapan itu.

Najib yang juga naib presiden Umno berkata Malaysia telah menonjolkan Islam dengan baik di negara ini dengan mengusahakan pelbagai projek dan program di peringkat institusi dan masyarakat seperti perbankan Islam dan institusi kewangan Islam yang lain.

"In merupakan pencapaian yang wajar disebut kerana ia menonjolkan Islam sebagai cara hidup yang dinamik, sederhana dan modern dan bukannya seperti yang ditunjukkan oleh sesetengah kumpulan itu yang mencerminkan cara yang kuno dan tidak bertoleransi," katanya.

Najib berkata demikian dalam ucaptamanya bertajuk "Malaysia: Membina Sebuah Negara Pelbagai Bangsa Yang Modern dan Stabil" pada perasmian Forum Kepimpinan Global Asia yang dikenali juga sebagai "Pangkor Retreat" di sini hari ini.

Perentian itu mengumpulkan para pemimpin industri, pegawai tinggi kerajaan dan ahli akonami untuk membincangkan cara mencapai "Keuntungan Keamanan - Menjadikan Dunia Tempat Yang Lebih Selamat dan Meraih Manfaat Daripadanya," ekoran daripada serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept tahun lepas apabila kira-kira 3,000 orang terbunuh.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menyampaikan ucapan pada penutupan forum itu esok.

Najib berkata perkara mengenai Islam telah hanyak diperdebatkan diperingkat global dan pendapat dunia berpecah antara mereka yang melihat Islam sebagai musuh dan mereka yang tidak beranggapan sedemikian.

Kerajaan yang mengisytiharkan Malaysia sebagai sebuah negara Islam telah menonjolkan dan mengamalkan Islam yang sebenar dan percaya tiada percanggahan langsung antara seorang Islam dan kemodernan, katanya.

"Mereka konsisten dan orang Islam digalakkan berusaha ke arah kecemerlangan, mencapai kemakmuran ekonomi dan menimba pengetahuan serta memperoleh teknologi baru," katanya.

Najib berkata Malaysia selalu dilaungkan sebagai sebuah model bagi negara pelbagai bangsa dan telah mampu mencapai pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran serta kestabilan yang relatif di sebalik kehadiran pelbagai kumpulan etnik.

"Bagaimapun saya juga patut menyebut bahawa ini dicapai bukan dengan satu keajaiban tetapi di sebalik kejayaannya memerlukan pengorbanan, kepedihan, tolak ansur dan kerja keras.

"Apabila berhadapan dengan pendidikan, kita meneruskan usaha untuk menyeimbangkan antara aspirasi negara dari satu segi dan dari satu segi lagi memelihara hak pelbagai kumpulan etnik untuk menikmati warisan budaya mereka," katanya.

Beliau berkata Malaysia juga menghadapi masalah ekstremisme dan perkauman, hinggakan pada satu peringkat kumpulan tertentu mahu menggulingkan kerajaan sah yang sedia ada dan menggantikannya dengan kemungkinan sebuah rejim yang teokratik menyerupai Taliban.

"Kerajaan tegas untuk tidak bertolak asnur terhadap gejala itu dan ini

tidak disambut baik oleh sesetengah kumpulan di kalangan rakyat," katanya.

Najib berkata kerajaan pastinya tidak akan menunjukkan toleransi, simpati atau kasihan terhadap mana-mana individu atau kumpulan yang menyokong ketaksuban kaum dan keganasan.

Pada masa yang agama lain dilindungi dan hak mereka dipelihara selaras dengan ajaran AlQuran yang melalui beberapa surahnya memberi jaminan terhadap kemajmukan agama, katanya.

-- BERNAMA

AR AZZ AAM RON